



Rujukan Kami: UPNM(BPA)11.01/01 Jld.4(18)
Tarikh : 27 Mei 2022

Para Graduan,

JEMPUTAN KE MAJLIS ISTIADAT KONVOKESYEN KALI KE-11 UPNM

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita Pengurusan UPNM ingin menzahirkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada saudara/saudari yang telah berjaya menamatkan pengajian. Bagi meraikan kejayaan ini, pihak UPNM berbesar hati ingin menjemput dan mengalu-alukan kehadiran saudara/saudari untuk menerima Diploma/Ijazah masing-masing di Majlis Istiadat Konvokesyen yang akan diadakan pada ketetapan berikut:

Tarikh : 18 – 20 Jun 2022 (Sabtu – Isnin)

Tempat : World Trade Centre (WTC), Kuala Lumpur

Sidang : Sila Rujuk lampiran

3. Saudara/saudari dimohon untuk sentiasa menyemak dan melayari laman web konvokesyen <https://konvokesyen.upnm.edu.my> dari semasa ke semasa bagi mendapatkan maklumat lengkap berkaitan konvokesyen, pengedaran jubah, raptai majlis, peraturan pakaian, tatacara bayaran konvokesyen berserta deposit jubah dan hal-hal lain berkaitan.

4. Sekali lagi, pihak Pengurusan UPNM mengucapkan setinggi-tinggi syabas kepada saudara/saudari atas kejayaan yang amat membanggakan.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“KEWAJIPAN, MARUAH, INTEGRITI”

Saya yang menjalankan amanah,

PROF. DATO' Ts. DR. AHMAD MUJAHID BIN AHMAD ZAIDI FCILT
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)